SIARAN MEDIA

UNIKL TAWAR PROGRAM SARJANA "OPEN DISTANCE LEARNING"

Kuala Lumpur, 16 Nov – Universiti Kuala Lumpur (UniKL) meraikan seramai 6,602 orang graduan dalam Majlis Konvokesyen Kedua Puluh Satu UniKL yang diadakan dari 16 hingga 19 November 2024 bertempat di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur. Graduan Kelas 2024 ini menerima ijazah doktor falsafah, sarjana, sarjana muda, diploma dan sijil professional dalam pelbagai bidang termasuk teknologi kejuruteraan, perniagaan, teknologi maklumat dan sains kesihatan.

Pada tahun ini, UniKL meraikan pelbagai pencapaian penting yang memperkukuhkannya sebagai institusi pendidikan tinggi teknikal terkemuka di Malaysia. UniKL komited untuk terus menghasilkan graduan yang mampu bersaing dalam pasaran kerja global dan memberi sumbangan kepada pembangunan ekonomi di dalam dan luar negara.

Majlis konvokesyen ini turut dimeriahkan dengan kehadiran tetamu kehormat, YB Datuk Hajah Rubiah binti Haji Wang, Timbalan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah yang sudi menyampaikan ucapan pembukaan dan menyampaikan skrol kepada para graduan. Turut hadir pada sesi pertama ini, ialah YBhg. Dato' Sri Azhar bin Abdul Manaf, Ketua Pengarah MARA merangkap Pro Canselor UniKL , YB Dato' Sri Sh. Mohmed Puzi bin Sh Ali, Pengerusi dan Pro Canselor, UniKL, Ahli-ahli Lembaga Pengarah UniKL dan YBhg. Prof. Ir. Dr. Azman bin Senin, Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif UniKL.

Dalam ucapannya, YB Datuk Hajah Rubiah menekankan peranan besar UniKL dalam menjadikan pendidikan TVET sebagai pilihan utama generasi muda dan ibu bapa masa kini. Selaras dengan usaha YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, Timbalan Perdana Menteri & Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah untuk mengarusperdanakan TVET, UniKL mendokong usaha ini dan berjaya mencatatkan kemasukan pelajar baru sebanyak 147% bagi pengambilan Oktober yang lalu. Manakala, kadar kebolehpasaran graduan UniKL pula mencatatkan rekod 97.5% bagi tahun 2023.

YB Datuk Hajah Rubiah berkata, "UniKL kini turut menawarkan Program Sarjana secara jarak jauh dan terbuka (ODL), memberi peluang supaya lebih ramai dapat menyambung pengajian dan meningkatkan kemahiran ke peringkat lebih tinggi". Tambahnya lagi, "program ODL UniKL ini menawarkan pengajian 100% secara pengkomputeran digital sekaligus menjadikan pendidikan lebih mudah diakses dan fleksibel untuk semua, khususnya buat 18.3 juta golongan berkerjaya mengikuti pengajian secara kendiri".

Majlis Konvokesyen Kedua Puluh Satu UniKL turut memberi penghormatan kepada para pelajar cemerlang yang berjaya mencapai anugerah tertinggi universiti. Anugerah-anugerah utama iaitu Anugerah Canselor, Anugerah Khas Ulul Albab, Anugerah Majlis dan Anugerah Presiden diberikan kepada graduan yang menunjukkan prestasi akademik dan kokurikulum yang luar biasa sepanjang pengajian mereka. Para penerima anugerah ini menerima plak, sijil dan hadiah wang tunai yang disumbangkan oleh rakan kerjasama industri UniKL.

Tahun ini, Mohamad Solehin bin Zulkarnain, graduan Program Sarjana Muda Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (Kepujian), UniKL Malaysian Institute of Medical Science Technology (UniKL MESTECH) terpilih sebagai penerima Anugerah Canselor manakala Anugerah Khas Ulul Albab pula dianugerahkan kepada Muaz bin Md Akhir Al-Hafiz dari program Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Marin dengan Kepujian, UniKL Malaysian Institute of Marine Engineering Technology (UniKL MIMET).

Berasal dari Batu Gajah, Perak, Mohamad Solehin merupakan anak yatim piatu dan beliau dibesarkan oleh arwah datuk, nenek, bapa saudara dan ibu saudaranya seawal usia 3 bulan. Menurut beliau “Ada yang meragui kejayaan saya tanpa ibu bapa, namun keluarga saya telah mengajar nilai murni dan kekuatan yang saya bawa dengan penuh bangga. Hari ini, saya membuktikan bahawa kejayaan boleh dicapai melalui pelbagai bentuk keluarga, dan saya harap kisah saya mampu menginspirasikan yang lain.” Penerima Anugerah Canselor sulung buat kampusnya, Mohamed Solehin telah berjaya mencapai PNGK 4.00 untuk 4 semester berturut – turut dan menamatkan pengajian dengan PNGK 3.90.

Manakala Muaz bin Md Akhir Al-Hafiz pula telah mendapat Sijil Tahfiz Al-Quran dari Darul Quran JAKIM dan menamatkan pengajian dengan PNGK 3.95. Selain menghafal, Muaz menjalani rutin yang merangkumi ulangkaji Al-Quran selepas solat Asar dan bersukan, terutamanya bermain ragbi, sukan kegemarannya. Jelasnya, “Saya ulangkaji antara waktu Maghrib dan Isya’ masa yang terbaik. Saya sasarkan tasmik harian sebanyak 1-2 maqra’ (sekitar 3 hingga 5 muka surat) dan menyelesaikan satu juz setiap empat hari, dengan satu hari tambahan untuk ulangkaji penuh,”.

Melihat ke hadapan, Muaz ingin mencapai keseimbangan antara kejayaan kerjaya dan peribadi. “Secara profesional, saya mahu menjadi Jurutera Kanan dalam industri Minyak dan Gas. Secara peribadi, saya ingin hidup dalam lingkungan ilmuwan Islam,” ujarnya. Tambah beliau, “Saya dedikasikan kejayaan ini kepada keluarga, Majlis Amanah Rakyat (MARA), UniKL, pensyarah, rakan-rakan, dan semua yang bersama saya sepanjang perjalanan ini. Semoga Allah merahmati dan memberi ganjaran tertinggi di syurga”.

Majlis Konvokesyen ini bukan sahaja menjadi penanda pencapaian akademik bagi para graduan tetapi juga sebagai peristiwa penting yang memberi inspirasi kepada mereka untuk terus cemerlang dalam kerjaya dan kehidupan. UniKL mengucapkan tahniah kepada semua graduan yang telah menamatkan pengajian dan berharap mereka akan membawa nama Malaysia, MARA dan UniKL ke persada dunia.

Sepanjang Majlis Konvokesyen ini berlangsung, UniKL juga menganjurkan Pesta Konvo di Dewan Tun Razak, Aras 3, Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur. Terdapat pelbagai gerai jualan, pameran dan aktiviti menarik bagi meraikan para pengunjung yang sebahagian besarnya terdiri daripada ahli keluarga para graduan sepanjang majlis ini berlangsung.

Hubungan Media :

Puan Juraya Haji Dolit
Pengurus Kanan
Jabatan Komunikasi Korporat

Universiti Kuala Lumpur
1016, Jalan Sultan Ismail
Kuala Lumpur
Tel : (603) – 2175 4021
Fax : (603) – 2175 4001
H/P : (013) – 399 6474
Email : juraya@unikl.edu.my

Effendi bin Lehan
Pegawai Tadbir
Jabatan Komunikasi Korporat

Universiti Kuala Lumpur
1016, Jalan Sultan Ismail
Kuala Lumpur
Tel : (603) – 2175 4000 samb 5021
Fax : (603) – 2175 4001
H/P : (013) – 258 4143
Email : effendi@unikl.edu.my
